

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	<b>TAJUK</b>	<b>PIHAK LUPUS 'E-WASTE' SECARA HARAM DIDAKWA IKUT AMLA, POCA</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (5 MAC 2025)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>5 (NASIONAL)</b>

Rabu, 5 Mac 2025

Nasional

5

# Pihak lupus 'e-waste' secara haram didakwa ikut AMLA, POCA

**Penurunan kuasa kepada PDRM untuk mendakwa penjenayah alam sekitar**

Oleh Suzalina Halid  
[suzalina@bh.com.my](mailto:suzalina@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Pihak yang terbahit mencemarkan alam sekitar, khususnya melupuskan sisa elektronik (e-waste) secara haram akan didakwa mengikut Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1969.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dalam proses memasukkan jenayah alam sekitar untuk didakwa mengikut AMLA atau POCA.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata tindakan tegas itu boleh diambil selepas penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mendakwa penjenayah alam sekitar.

Katanya, penurunan kuasa itu bagi menangani lambakan e-waste, sekali gus menyelamatkan negara daripada menjadi pusat pelupusan sisa haram.

Beliau berkata, penurunan kuasa antara sembilan cadangan penambahbaikan yang dikaji Kementerian itu untuk menangani lambakan e-waste yang diimport secara haram.

"Kita mengambil tindakan tegas, termasuk berusaha memasukkan jenayah alam sekitar seperti di bawah AMLA. Kadangkala ini membabitkan rangkaian jenayah yang menagana e-waste sebagai satu cara untuk 'mencuci' duit mereka.

"Kegiatan penyeludupan seperti ini merugikan negara dari segi kutipan hasil dan Malaysia akan tetap teguh dengan pendirian untuk membanteras isu pengimportan e-waste ke dalam negara.

"Ini seiring dengan usul yang ingin dibawa oleh Kepengurusan ASEAN, iaitu ASEAN bukan destinasi dunia untuk menghantar sisa toksik, bermasalah, sukar dikitar semula dari seluruh dunia," katanya kepada *BH* semalam.

Sebelum ini, Ops Hazard di seluruh negara membongkar kegiatan memproses dan melupuskan e-waste dan pihak berkuasa menyita sebanyak 15,704.00 tan sisa elektronik yang dianggarkan bernilai RM55 juta.

Pemeriksaan itu dilakukan ke atas 41 premis dengan 30 daripada jumlah itu beroperasi secara haram, tujuh premis barang busuh dan enam premis berlesen di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sementara itu, tiga premis berlesen di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan satu gudang haram.

Di Malaysia, selainnya 137 pusat pengumpulan e-waste (sisi rumah) dan 117 buah premis dilisensikan, yang boleh menerima sisa itu di seluruh negara.

Kegiatan penyeludupan seperti e-waste ini merugikan negara dari segi kutipan hasil negara

Nik Nazmi Nik Ahmad,  
Menteri Sumber Asli  
dan Kelestarian Alam



**Eksklusif**

**Tindakan senarai hitam**

Nik Nazmi berkata, Kementerian itu juga dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk memasukkan tindakan menyenarai hitam syarikat yang didapati kerap melanggar undang-undang dalam membawa e-waste ke negara ini.

Beliau berkata, sehingga kini negara tidak mempunyai peraturan untuk menyenaraihitamkan syarikat yang didapati melakukan kesalahan itu secara ber-

ulang kali.

"Pindaan akta itu juga dijangka akan memasukkan aktiviti kitar semula, termasuk e-waste di bawah syariat lebih ketat, mengikut Jadual Kedua Perintah Kualiti Alam Sekitar, berbanding jadual pertama kini.

"Dalam skop lebih luas, melalui jadual kedua ini, tahap ketulusan dan syarat Penilaian Kesanan Kepada Alam Sekeliling (ELA) lebih tinggi, berbanding jadual pertama dan ia perlu dipamerkan kepada umum melalui proses pendengaran awam," katanya.

Nik Nazmi berkata, penambahbaikan lain ialah cadangan mewujudkan perundangan khusus untuk pengurusan pengimportan sisa dan mewajibkan peme-

riksaan pihak ketiga bagi negara pengeksport untuk memastikan barang sesuai dengan laraz.

Beliau berkata, begitu juga dengan pengharuman pengimportan sisa dari negara yang tidak membatikasikan Konvensyen Basel dan mengutamakan sisa yang diperlakukan oleh industri negara.

"Terdapat juga cadangan pindaan Akta Pelabuhan dan Peraturan Zon Bebas untuk tindakan terhadap ejen perkapalan yang membuat perisytiharan palsu.

"Sehingga kini, operasi bersepadu antara PDRM dan JAS diteruskan kerana melalui operasi sebelum ini hanya satu peratus sahaja (kes ditangani) daripada masalah keseluruhan," katanya.

Beliau berkata, langkah penambahbaikan itu diperoleh melalui bengkel penambahbaikan kawalan dan penguatkuasaan berkaitan dengan pengimportan sisa ke dalam negara yang diadakan bersama 12 agensi kerajaan dan laporan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pada September lalu.

Mengenai penahanan penjawat awam melalui Op Hazard yang dilaksanakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu rasuah membabitkan kegiatan memproses dan melupuskan e-waste, Nik Nazmi berkata, Kementerian bersedia memulih-cara sebarang proses sisatan itu.

Beliau berkata, ini termasuk bekerjasama dengan SPRM atau tataruh jika wujudnya anggota di bawah agensi kementerianannya yang terlibat dalam kegiatan tidak berintegriti itu.

"Namun, sehingga laporan masih dalam sisatan SPRM dan Kementerian mengacukan terima kasih dan syabas kepada agensi kerajaan yang lain juga kerana berpenting dalam membanteras isu pengimportan e-waste," katanya.



Sisa e-waste yang ditampal dalam serban sebagai hilang pemprosesan secara haram di Machang Babok, Bukit Mertajam, Pulau Pinang baru-baru ini. (Suaras NETP)

2.	TAJUK	POLLUTERS TO FACE AMLA, POCA LAWS
	SUMBER	NST (5 MACI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NEWS/NATION)

CRIME CLASSIFICATION

# POLLUTERS TO FACE AMLA, POCA LAWS

E-waste being used to 'launder' money, says Nik Nazmi

SUZALINA HALID  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HOSE found guilty of polluting the environment will soon be prosecuted under the Anti-Money Laundering Act (Amla) 2001 and the Prevention of Crime Act (Poca) 1959.

This comes as the Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry is in the process of classifying environmental pollution — including the illegal disposal of e-waste — as a crime under Amla or Poca.

Its minister Nik Nazmi Nik Ah-

mad said strict action can be taken following the delegation of powers under the Environmental Quality Act 1974 to the police to take action against offenders.

It is among nine proposed improvements being reviewed by the ministry to address the illegal import of e-waste.

"We are taking firm action, including efforts to classify environmental crimes under Amla, as they sometimes involve criminal networks using e-waste to 'launder' their money," Nazmi said.

"Malaysia is steadfast in its stance to combat the importation of e-waste into the country.

"This aligns with the resolution proposed by the Asean chairmanship, which stressed that Asean should not be a global dumping ground for toxic, problematic and hard-to-recycle waste," he said in an interview in Parliament, yesterday.

It was reported that authorities recently seized 15,764.90 metric tonnes of waste worth about RM55 million during a nationwide operation dubbed Op Hazard, which targeted activities related to the illegal processing and disposal of e-waste.

A total of 47 premises were inspected during the operation.

Of the total, 30 were found to be operating illegally, seven were scrap premises, and six were licensed under the Department of Environment (DoE).

In Malaysia, there are 137 e-waste collection centres (for households) and 117 licensed premises nationwide authorised to receive such waste.

Nik Nazmi said the ministry was amending the Environmental Quality Act to include black-listing companies which frequently violate the law by bringing e-waste into the country.



Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad says the authorities are steadfast in their stand to combat the importation of e-waste. NSTP PIC BY HAIRUL ANJAR RAHIM

"The amendment is also expected to include recycling activities, including e-waste, under stricter conditions in accordance with the Second Schedule of the Environmental Quality Order, compared with the First Schedule.

"Under this Second Schedule, the level of transparency and requirements for the Environmental Impact Assessment will be higher than those in the First Schedule, and it must be made publicly available through a public hearing process."

Other proposed improvements, Nik Nazmi said, included the establishment of legislation for waste import management and mandating third-party inspections in exporting countries.

He said there was also a proposal to ban waste imports from

countries that have not ratified the Basel Convention.

"There is also a proposal to amend the Ports Act and Free Zone Regulations to take action against shipping agents who make false declarations.

"Integrated operations between the police and DoE are ongoing, as earlier ones addressed only one per cent of the issue."

On the arrest of civil servants under Op Hazard, carried out by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) over corruption related to illegal e-waste processing and disposal, Nik Nazmi said the ministry was prepared to facilitate the investigation. He added that this includes cooperating with MACC or taking disciplinary action if personnel under the ministry's agencies were involved in misconduct.

3.	TAJUK	COCONUT PLANTATION FIRE DESTROYS TREES, POLLUTES AIR
	SUMBER	NST (5 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	FRONT PAGE & 7 (NEWS/NATION)



WEDNESDAY, MARCH 5, 2025 • NewStraitsTimes

*Nation* / NEWS | 7

## Coconut plantation fire destroys trees, pollutes air

**KUANTAN:** A massive fire at a coconut plantation near the Kuantan-Sungai Ular bypass here has been raging for more than 10 days, resulting in a devastating impact on fruit trees and significantly reducing air quality in the vicinity.

The fire, which broke out on Feb 22, has, to date, consumed an area measuring a total of 130ha. Of these, the fire in 9ha has been extinguished.

Battling relentless heat and strong winds, firefighters have been working tirelessly to contain the flames that continue to spread at alarming rates. The scorching heat poses a tough challenge for the 70-odd personnel, especially while observing Ramadan.

The media were yesterday transported by four-wheel-drive vehicles provided by the Fire and Rescue Department to the site, about 5km from the operations centre in Gebeng.

The narrow and bumpy road covered with red soil made the ride antinous and some sections were covered with thick smoke. This resulted in zero visibility conditions, forcing the driver to carefully navigate the vehicle to prevent any untoward incident.

Firefighters drenched in sweat were seen spraying water, pumped from a nearby trench, onto the ground to ensure the soil burning beneath the peat surface is properly doused as they try to control the flames from spreading.

The whirring sound from the water pumps fill the area, once covered with lush green coconut trees, as firemen carefully pull the lengthy rubber hoses to ensure it does not come into contact with the burning embers on the ground.

State Fire and Rescue Department director Mohd Razam Taja Rahim said besides firefighters on the ground, the department had deployed a Mi-17 helicopter which made 30 trips to drop water buckets holding 1,200l of water each time it took to the skies.

"Besides water bombing, we have utilised the total flooding technique by releasing water from a tanker into the burning site. Once the water fills the trenches, we use the pumps to draw water to put out the blaze in the vicinity.

"Three backhoes and two excavators are used to dig trenches to serve as a fire break to help prevent the flames from spreading.

"We have also applied the direct attack (extinguishing) techniques when there are fresh burning sites."

Razam said continuous hot weather and strong winds had made their job challenging and hampered efforts to douse the fire.

"We nearly put out the fire on Friday, but windy conditions over the weekend and the constant changing of wind direction at night triggered more areas to be affected and the situation prolonged.

"Besides firemen, the Drainage and Irrigation Department, Public Works Department and Environment Department (DoE) are assisting at the site and we hope to completely douse the fire by the end of this week," he said.

State DoE director Wandil Yuzliil Yaakob said the department had met a representative from the plantation to determine the cause of the fire.

"The fire was not caused by open burning activities. We are working closely with the Fire and Rescue Department to identify the cause of the fire," he said.

*Page 1 pic: An aerial view of the massive fire at a coconut plantation near the Kuantan-Sungai Ular bypass in Balok Baru yesterday.*

4.	TAJUK	PAHANG RULER ADVISER PEOPLE TO STAY INDOORS
	SUMBER	NST (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	7(NATION/NEWS)



Firefighters extinguishing a blaze at a coconut plantation in Gebeng, Kuantan, yesterday. NSTP PIC BY MUHAMMAD DELJIMA ATAN

#### BALOK BARU FIRE

# PAHANG RULER ADVISES PEOPLE TO STAY INDOORS

Suspend outdoor activities due to health risks from air pollution, says sultan

T.N. ALAGESH  
Kuantan  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**S**ULTAN of Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah has expressed concerns over the escalating air pollution in Balok Baru triggered by

the massive fire at a coconut plantation near the Kuantan-Sungai Ular bypass here.

The Comptroller of Istana Pahang, Major-General Datuk Mohamed Zahari Yahya, in a statement, said the ruler advised all outdoor activities, especially those involving schoolchildren, to be temporarily suspended due to health concerns.

"Residents living in the affected and surrounding areas, especially those with respiratory conditions, have to be extra careful not to be directly affected by the air pollution," read the statement.

"The public is cautioned not to

conduct any open burning, especially during the current hot weather and windy season."

On Monday, huge clouds of thick smoke billowing into the sky from the massive blaze saw the nearby Balok Baru area recording an Air Pollution Index reading of 251, which is considered "very unhealthy" by the Department of the Environment.

It was reported that firefighters in the state are attempting to douse the fire at a coconut plantation near the Malaysia-China Kuantan Industrial Park, which was caused by the recent heat waves.

The fire broke out on Feb 22.

5.	TAJUK	SAMSENG DALANGI E-WASTE HARAM
	SUMBER	BH (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	MUKA DEPAN, 9 (NASIONAL)



BH Khamis, 6 Mac 2025

Nasional

# Samseng miliki kilang lupus, proses e-waste

**Dalang dipercayai ada rangkaian dengan sindiket pengubahan wang haram**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kebanyakan kilang melupus dan memproses sisa elektronik atau e-waste dikesan dimiliki samseng yang dipercayai mempunyai rangkaian dengan sindiket pengubahan wang haram.

Mendedahkan perkara itu, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pembabitian samseng itu dibongkar pihak berkuasa melalui Ops Hazard dengan ada kilang haram e-waste turut didalangi warga asing.

"Maklumat kita peroleh melalui 30 premis yang diperiksa, pihak berkuasa mendapati kebanyakan pekerja adalah pendatang asing atau salah guna permit."

"Kadangkala ia membabitkan rangkaian jenayah yang gunakan e-waste sebagai satu cara untuk 'mencuci' duit," katanya dalam temu bual bersama BH dan media berbahasa Cina, Kemerin.

Titik itu, Nik Nazmi berkata, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam kini dalam proses memasukkan jenayah alam sekitar, termasuk pihak yang melupuskan e-waste untuk didakwa mengikut Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.

Katanya, tindakan tegas itu boleh dilaksanakan selepas



Timbunan sisa elektronik yang dibiarkan terdedah ketika Ops Tokuk, baru-baru ini. (Foto fail NSTP)

**Eksklusif**

penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mendakwa penjenayah alam sekitar.

**Tidak dilesenkan PBT**

Mengulas modus operandi kilang terbahit, Nik Nazmi berkata, kebanyakan kilang tidak dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kedudukan premis berada di kawasan industri dan di luar kawasan industri.

"Ia termasuk di tanah rizab, ladang sawit dan di dalam hutan," katanya yang menyifatkan ia sebagai mengaburi pihak berkuasa.

Nik Nazmi turut mendedahkan, antara cabaran dalam mengungkap busukan e-waste secara haram ke negara ini adalah apabila pemeriksaan secara rawak terpaksa dijalankan oleh pihak berkuasa.

Katanya, kos membuka dan memeriksa kontena adalah tinggi sehingga mencecah RM700 bagi setiap pemeriksaan kepada pengendali pelabuhan.

"Kita juga kekurangan alat pengimbas di pelabuhan untuk memeriksa kontena yang masuk, namun ia juga di luar bidang kuasa kita. Ini mengekang usaha membuat pemeriksaan fizikal secara menyeluruh," katanya.

Selain itu, beliau berkata, ada pengimport yang berselindung dengan membuat pengisytiharan palsu barangan menggunakan HS Code (sistem pengelasan dan kod komoditi import dan eksport), selain ketidaktahuan dokumentasi.

Mengenai usaha menambatkan penguatkuasaan, Nik Nazmi berkata, anggota penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) mungkin menggunakan kamera hadapan bagi meningkatkan integriti mereka.

Katanya, kerjasama agensi di pelabuhan, termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak berkuasa pelabuhan, selain Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga dipertingkatkan.

Ia turut membabitkan organisasi antarabangsa antaranya,

Sekretariat Konvensyen Basel, Asian Network dan INTERPOL dalam aspek penyahuran maklumat berhubung kapal kontena yang dijangka mengangkut e-waste masuk melalui pelabuhan.

Berhubung e-waste yang dihasilkan dalam negara setakat ini, Nik Nazmi berkata, jumlah keseluruhan sisa elektronik yang dijana dari 2005 sehingga 2025 adalah 2,618,307.96 tan.

"Sepanjang tempoh itu, tahun 2020 menunjukkan penjumlahan tertinggi e-waste iaitu 904,008.90 tan."

"E-waste yang dikumpul dan diproses di setiap negeri di Malaysia bermula pada 2005 sejajar dengan pewartan dan terikh berkuat kuasa Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bilangan Terjadual) 2005," katanya.

Beliau berkata, penghasilan e-waste bagi seluruh negeri pada 2023 adalah 65,280.14 tan berbanding 286,205.84 tan pada 2022.

Katanya, Melaka negeri tertinggi menghasilkan e-waste iaitu 28,089.66 tan, diikuti Pulau Pinang (13,004.61 tan), Selangor (6,890.02 tan) dan Negeri Sembilan (6,833.05 tan).

6.	TAJUK	146 DITAHAN DALAM OPS HAZARD ADALAH WARGA ASING
	SUMBER	BH (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NASIONAL)

## 146 ditahan dalam Ops Hazard adalah warga asing

**Kuala Lumpur:** Lebih 70 peratus daripada 246 orang yang ditahan dalam Ops Hazard terhadap pusat kitar semula sisa elektronik atau e-waste haram di seluruh negara adalah warga asing.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu Kassim, berkata dalam tangkapan itu, hanya 70 orang daripada mereka adalah warga tempatan.

"Baki 176 individu yang ditahan semuanya warga asing. Mereka terdiri daripada 70 dari Myanmar; 56 China; 28 Bangladesh; 15 Indonesia, empat Kemboja dan tiga Filipina," katanya semalam.

Azmi menjelaskan, pihaknya bertanggungjawab menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam.

"Isu berkaitan e-waste bukan sahaja menimbulkan risiko kepada kesihatan awam tetapi juga mengancam ekonomi kita dengan mewujudkan saluran pasaran gelap untuk import dan eksport bahan berbahaya ini.

"Ia juga membuka pintu kepada pelbagai kesalahan lain, seperti rasuah, salah guna kuasa dan jenayah lain," katanya.

Azmi berkata, pihaknya memandang isu e-waste haram itu sebagai ancaman kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam.

"Berikutan itu, kuasa untuk melakukan penggeledahan, rampasan dan tangkapan dibuat mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 terletak di bawah Jabatan Alam Sekitar.

"Sebab itu kami bekerjasama dengan mereka dalam usaha penguatkuasaan terhadap 47 lokasi terbabit," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan bahawa sejumlah RM2.8 bilion nilai e-waste haram dirampas polis dalam Ops Hazard pada 15 Februari lalu, melebihi RM1 bilion dalam rampasan yang dilaporkan tahun lalu.

7.	TAJUK	E-WASTE GANGSTER LINKS REVEALED
	SUMBER	NST (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NEWS/NATION)

OP HAZARD

# E-WASTE GANGSTER LINKS REVEALED

Authorities link illegal e-waste trade to money-laundering syndicates

SUTALINA HALIQ  
KUALA LUMPUR  
[nsn@east.com.my](mailto:nsn@east.com.my)

**M**OST factories involved in the disposal and processing of electronic waste (e-waste) have been found to be owned by thugs with suspected links to money-laundering syndicates.

Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad said authorities uncovered the involvement of these gangsters through Op Hazard, with some illegal e-waste factories also operated by foreigners.

"We obtained information during Op Hazard from 30 premises found to be operating illegally, where authorities discovered that most of the workers were foreign nationals or individuals misusing their permits.

"Most of these factories are not licensed by local authorities, with some located in industrial areas, while others operate outside industrial zones.

"These include locations such as reserved land, oil palm plantations and forested areas," he said in an interview.

At the same time, Nik Nazmi said a key challenge in preventing the illegal entry of e-waste is the authorities' reliance on random inspections.

"This is due to the high cost of opening and inspecting a container, which

amounts to RM700 per inspection.

"We also lack scanners at ports to examine incoming containers, but this falls outside our jurisdiction," he said.

He added that this has resulted in false declarations under the HS Code, a system used for classifying imports and exports, as well as non-compliance with documentation requirements.

Meanwhile, to strengthen enforcement, he said the use of body cameras for Environment Department (DoE) enforcement officers is also being considered.

He added that coordination among all relevant agencies at ports, including the Customs Department, port authorities, and the DoE, is being improved.

"We are also boosting collaboration with international organisations — including the Basel Convention Secretariat, the Asian Network and Interpol — to share intelligence on ships suspected of transporting e-waste to Malaysian ports.

"Cooperation has also been strengthened with domestic agencies to take action against illegal factory operations through an integrated approach involving the police, Occupational Safety and Health Department, Fire and Rescue Department and Customs Department.

"Other agencies involved include the Immigration Department, Land and District Office, local authorities, state water regulatory bodies, water supply companies, Energy Commission and Tenaga Nasional Bhd."

He said these efforts aim to ensure that illegal e-waste processing factories can be tackled through strict enforcement.

He said the ministry, through the DoE

and in collaboration with police, is committed to continuing Op Hazard to combat the illegal importation and processing of e-waste.

In a related development, he said the amount of e-waste generated from 2005 to 2023 stood at 2,618,307.30 metric tonnes.

"During this period, the highest e-waste generation was recorded in 2020, amounting to 904,008.90 metric tonnes, surpassing all other years.

"The collection and processing of e-waste in each state began in 2005, in line

with the gazettement and enforcement of the Environmental Quality (Scheduled Waste) Regulations 2005."

He added that the total e-waste generated nationwide in 2023 was 65,280.14 metric tonnes, compared with 286,203.84 metric tonnes in 2022.

Malaka recorded the highest e-waste generation in 2023, with 26,089.68 metric tonnes, followed by Penang (13,004.61 metric tonnes), Selangor (6,890.02 metric tonnes) and Negri Sembilan (6,833.05 metric tonnes).



Nik Nazmi Nik Ahmad

8.	TAJUK	HAZE ENVELOPS Kuantan AMID BLAZE
	SUMBER	NST (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NEWS/NATION)



An aerial view of the massive fire at a coconut plantation near the Kuantan-Sungai Ular bypass in Balok Baru yesterday. (PIC COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT)

COCONUT PLANTATION FIRE

# HAZE ENVELOPS Kuantan AMID BLAZE

Winds carrying smoke from Balok Baru across capital

T.N. ALAGESH  
Kuantan  
[tnalagesh@nst.com.my](mailto:tnalagesh@nst.com.my)

**H**AZE blanketed the state capital here and surrounding areas yesterday as the massive fire that has been raging through a coconut plantation for nearly two weeks continued.

The tall structures in the state capital — including Menara Kuantan 188 and the Kuantan City Council complex facing Sungai Kuantan — were barely visible at noon.

Nonetheless, daily life in the state capital was not affected, with businesses operating as usu-

al while the air quality remained at a moderate level.

However, a food stall operator, who wanted to be known as Lim Chuen, told the *New Straits Times* that he fears the situation could worsen in the coming days amid the hot and dry weather.

He said he had experienced the haze in previous years, which forced him and his workers to wear face masks while manning the stall.

"I hope it rains and the air quality improves."

Although the air pollutant index (API) reading in Balok Baru, where the fire broke out on Feb 22, has shown improvement, the winds are carrying the thick smoke from the blaze towards the town centre.

Pahang Department of Environment director Wandl Yazid Yaakob said the current wind direction has brought the smoke from the fires in Balok Baru to other parts of Kuantan.

Balok Baru — situated along

the coast northeast of Kuantan — is home to plantations, including coconut plantations, and is near popular coastal destinations such as Balok Beach.

A Health Department spokesman advised people, especially those with respiratory conditions, to wear face masks when leaving their homes.

The spokesman said those feeling unwell should seek immediate medical treatment.

API readings are categorised as "good" between zero to 50, "moderate" between 51 and 100, "unhealthy" between 101 and 200, "very unhealthy" between 201 and 300 and "hazardous" above 301.

Sultan of Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah on Tuesday expressed concern over the huge fire and urged all outdoor activities to be suspended.

The peat soil fire has affected some 130ha, with firemen still fighting to put out the blaze.

9.	TAJUK	DAKWA DI BAWAH AMLA, POCA TINDAKAN BETUL
	SUMBER	BH (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NASIONAL)

## Dakwa di bawah AMLA, POCA tindakan betul

**Kuala Lumpur:** Langkah mendakwa pihak terbabit mencekahkan alam sekitar, khususnya melupuskan sisa elektronik (e-waste) secara haram mengikut Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 satu tindakan yang betul.

Pakar Undang-Undang Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Mohd Yazid Zul Kepil, berkata pendakwaan itu boleh dilakukan jika terdapat

asas perundangan yang mencukupi.

Katanya, AMLA boleh digunakan sekiranya jenayah alam sekitar dikategorikan sebagai *predicate offense*, manakala POCA berpotensi digunakan jika terdapat elemen jenayah terancang.

"Malah, beberapa negara seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat (AS) dan China sudah mengambil pendekatan sama yang mengaitkan jenayah alam sekitar dengan penguba-

han wang haram dan jenayah terancang," katanya semalam.

Mengulas lanjut Mohd Yazid berkata, langkah pendakwaan itu juga boleh membawa kesan

positif seperti penguatkuasaan yang lebih tegas, mengurangkan jenayah rentas sempadan dan meningkatkan reputasi Malaysia dalam isu alam sekitar.

“AMLA boleh digunakan sekiranya jenayah alam sekitar dikategorikan sebagai predicate offense”

**Mohd Yazid Zul Kepil,**  
Pakar Undang-Undang Antarabangsa, UIAM



Namun katanya, langkah itu juga boleh menimbulkan risiko seperti kemungkinan penyalahgunaan POCA terhadap individu tanpa perbicaraan, kos penguatkuasaan yang tinggi dan potensi ketegangan dengan negara yang mengeksport sisa ke Malaysia.

"Pelaksanaan yang berhati-hati dan perundangan yang jelas diperlukan bagi memastikan tindakan ini berkesan serta tidak menjejaskan hak asasi manusia atau kepentingan ekonomi negara," katanya.

10.	TAJUK	PENGUAT KUASA DIUGUT DENGAN VIDEO AKTIVITI ANAK DI SEKOLAH
	SUMBER	BH (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

# Penguat kuasa diugut dengan video aktiviti anak di sekolah

Tindakan berani dalang penyeludupan pamer tahap keseriusan sindiket

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
[yusri.muzamir@bh.com.my](mailto:yusri.muzamir@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Rakaman aktiviti anak ketika berada di sekolah adalah antara bentuk ugutan diterima pegawai penguat kuasa yang menjalankan tindakan penguatkuasaan membabitkan sisa elektronik (e-waste) di negara ini.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, mendedahkan rakaman itu dibuat menerusi panggilan video ke atas pegawai terbabit, dipercayai oleh tauke yang mendalangi pengimportan e-waste ke negara ini.

Ahli Parlimen Setiawangsa itu menegaskan, tindakan berani da-



lang penyeludupan e-waste itu antara lain mempamerkan tahap keseriusan sindiket membawa masuk barangan terbabit ketika ini.

Beliau bagaimanapun menjelaskan belum menerima laporan mengenai pembabitkan mana-mana pegawai bersekongkol dalam isu e-waste, selain menegaskan kakitangan kerajaan yang dikenal pasti berbuat demikian akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Isu e-waste ini memang serius. Kita dapat maklumat ada pegawai yang membuat tindakan penguatkuasaan e-waste. "Mungkin kita tak dengar (isu) e-sisa sebelum ini, seperti dadah atau benda lain. Namun, kini mereka dapat panggilan video daripada tauke besar yang menjadi dalang (e-waste).

"(Dalang terbabit) menunjukkan video anak mereka di sekolah. Inilah tahap seriusnya masalah e-waste di negara ini," katanya pada sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Shahrizukirnaini Abd Kadir (PN-Setiu) mengenai keberkesanan sistem kawal selia sedia ada serta jumlah kakitangan tindakan tatatertib susulan pendedahan e-waste.

Menjawab soalan asal, Nik Nazmi berkata, selain di kawasan industri, premis mengendalikan e-waste dikenal pasti turut berada di tanah rizab, ladang kelapa sawit dan kawasan hutan dengan kebanyakan beroperasi secara haram.

### Guna pendatang asing

Operasi kilang itu, katanya, didalangi warga asing, menggunakan pendatang asing tanpa izin (PATI) sebagai tenaga kerja atau pekerja yang menyalahgunakan permit kerja.

Beliau berkata, Ops Hazard dilaksanakan secara serentak di seluruh negara baru-baru ini, adalah hasil kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), membabitkan pemeriksaan ke atas 47 premis.



Nik Nazmi Nik Ahmad

"Kita menyita 15,764.9 tan e-waste, dianggarkan bernilai RM55 juta. Pemeriksaan mendapati 30 premis beroperasi secara haram, manakala tujuh lagi adalah premis barang lusuh; premis berlesen di bawah JAS (enam); premis berlesen di bawah pihak berkuasa tempatan (tiga) dan gudang haram (satu).

"Semua premis terbabit disiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), selain 37 premis dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta 127 terhadap mesin pengeluaran digunakan di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan.

"Selain itu, 59 Notis Arahan

dan 27 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Sebanyak 52 kertas siasatan juga akan dibuka bagi tujuan tindakan mahkamah," katanya.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata, Konvensyen Basel dimeterai Malaysia tidak menghalang pengimportan besi sekerap yang digunakan dalam industri hiliiran dengan barangan itu tidak dikategorikan sebagai e-waste.

Mengambil contoh komputer dan telefon lama yang masih utuh, katanya, pengimportan barangan itu tidak dikategorikan sebagai e-waste, kecuali jika ia dileraikan mengikut komponen.

"Pengimportan e-waste akan memberi kesan alam sekitar dan membahayakan kesihatan rakyat, selain prinsip utama kita adalah menguruskan 764.453 tan e-waste tempatan, sehingga 2023.

"Kita tak mahu menjadi 'tong sampah' dunia, sebaliknya perlu memberi tumpuan menguruskan e-waste tempatan. Tanpa kapasiti mencukupi (untuk memproses e-waste diimport), ia akan jadi mimpi ngeri buat rakyat," katanya.

11.	TAJUK	KILANG MUNGKIN ADA KAITAN SINDIKET JENAYAH
	SUMBER	BH (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

## Kilang mungkin ada kaitan sindiket jenayah

**Kuala Langat:** Kegiatan pemprosesan bahan sisa elektronik (e-waste) di premis haram yang dibongkar sebelum ini dipercayai didalangi sindiket jenayah terancang.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata polis masih menyiasat berhubung perkara itu.

"Saya tidak menolak kemungkinan aktiviti pemprosesan e-waste haram ini mempunyai kaitan dengan sindiket jenayah.

"Sebab itu, polis sedang menyiasat kemungkinan wujud elemen jenayah terancang atau (yang boleh mengancam) keselamatan negara. Kita serahkan kepada kepakaran polis untuk menjalankan siasatan.

"Apabila siasatan sudah semakin mendalam, kita mungkin memperoleh dapatan yang menarik, sebab itu kita tidak menolak kemungkinan elemen itu (didalangi sindiket jenayah terancang)," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang e-waste haram di Telok Panglima Garang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dan Tim-

balan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi dan Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan.

Bagaimanapun, katanya, beliau enggan mengulas lanjut kerana siasatan masih dijalankan oleh PDRM.

Terdahulu, *BH* melaporkan kebanyakan kilang melupus dan memproses sisa elektronik dikesan dimiliki samseng yang dipercayai mempunyai rangkaian dengan sindiket perubahan wang haram.

Perkara itu didedahkan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dalam temu bual khas bersama *BH* dan media berbahasa Cina, kelmarin.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, taktik yang digunakan pengusaha kilang e-waste haram beroperasi dalam kawasan perindustrian yang diwartakan sebagai zon industri jelas menyukarkan kegiatan itu dikesan pihak berkuasa.

"Ini menyebabkan ia tidak menimbulkan kecurigaan sehingga



Saifuddin (dua dari kanan) melihat hasil pemprosesan ketika melawat kilang e-waste haram di Telok Panglima Garang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

lah operasi serbuan dijalankan," katanya.

Mengenai punca kemasukan kontena mengandungi e-waste daripada luar negara, Saifuddin berkata, barangan berkenaan dipercayai masuk ke negara ini

melalui kontena 40 kaki.

"Oleh itu, pihak polis dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan menyemak punca kemasukan (kontena) di pelabuhan mana barang ini tiba.

"Selain itu, semakan dan pe-

meriksaan dokumen seperti manifes kargo dan senarai inventori dijalankan untuk mengenal pasti pihak yang terbabit. Kita akan maklumkan perkembangan terkini siasatan dari semasa ke semasa," katanya.

12.	TAJUK	E-WASTE GANGS THREATEN OFFICERS
	SUMBER	NST (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NATION/NEWS)

MORE CONTAINERS SEIZED

# E-WASTE GANGS THREATEN OFFICERS

Enforcement personnel received videos showing their children at school, says minister



Nik Nazmi Nik Ahmad

NOR AIN MOHAMED RADHI AND ALJISTIN CAMOENS  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**T**HE masterminds behind illegal e-waste activities have escalated their tactics, showing videos of enforcement officers' children at school, seemingly to intimidate those tackling the issue.

Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad revealed this alarming development, underscoring the seriousness of the e-waste problem.

"We received information that while our officers were carrying

out enforcement activities, they received video calls from these tanks showing videos of their children at school.

"This underscores the severity of the e-waste issue," he told the Dewan Rakyat in response to Shaharizatukirmain Abd Kadir (PN-Setiu).

Nik Nazmi emphasised the co-operation among the authorities in tackling illegal e-waste operations, with the Customs Department playing a crucial role in monitoring and enforcement at entry points.

He said the number of contain-

ers seized has increased since 2019, when China tightened regulations on the entry of e-waste.

He said that in 2018, one container filled with e-waste was seized, followed by 34 in 2019, 23 in 2020, 11 each in 2021 and 2022, and 32 in 2023.

Last year saw a rise to 329 containers, while up to last month, 15 containers have been seized.

"The increase doesn't mean that these issues didn't occur before.

"However, now we have better cooperation with the Customs Department, including enhanced scanning at the border.

"We are also cooperating with non-governmental organisations, such as the Basel Action Network, which has alerted us about vessels moving e-waste from developed countries.

"This collaboration resulted in the detention of 329 containers last year."

He said the ministry was working with all relevant agencies, including the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

"If we find any government of-

ficers involved or colluding in e-waste activities, we will take action against them."

In **Kuala Langat**, Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said a foreign man, believed to be one of the owners of an e-waste plant in Telok Panglima Garang, where police found ammunition and spent bullet casings, has been placed on the wanted list.

He said the man disappeared following the Op Hazard crackdown in February.

"Checks revealed that he and the woman who was arrested were named as the owners of the factory."

He said this after visiting the plant where more than 50 tonnes of ammunition and spent bullet casings were discovered.

He said police were investigating the source country for the ammunition and spent casings.

"The land on which this factory operates is considered an industrial zone, so it does not arouse suspicion at first glance.

"An investigation paper has

been opened into the discovery of the spent casings and ammunition, and at least four other investigation papers have been opened by the Department of Environment.

"Checks with the District Office showed that the premises has been operating for nearly two years."

Saifuddin said police would investigate the case from all angles, including security concerns, due to the discovery of smuggled ammunition.

On Feb 15, it was reported that a factory in Teluk Panglima Garang, which processes electronic waste, was found to be illegally storing 50 tonnes of ammunition and shell casings intended for melting down.

Federal police Internal Security and Public Order Department deputy director Datuk Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi had said that during the raid, besides the e-waste items, they found 50 sacks containing bullet projectiles, shell casings and live rounds intended for disposal at the factory.

13.	TAJUK	SINDIKET E-SISA DAH MELAMPAU
	SUMBER	BH (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (DEWAN RAKYAT)

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Kuala Lumpur

Rakaman aktiviti anak ketika berada di sekolah adalah antara bentuk ugutan diterima pegawai yang menjalankan tindakan penguatkuasaan sisa elektronik (e-sisa) di negara ini.

**Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad**, mendedahkan rakaman itu dibuat menerusi panggilan video ke atas pegawai terbabit, dipercayai oleh tauke yang mendalangi pengimportan e-sisa ke negara ini.

Ahli Parlimen Setia-wangsa itu menegaskan, tindakan berani dalang penyeludupan e-sisa itu antara lain mempamerkan tahap keseriusan sindiket membawa masuk barangan terbabit ketika ini.

Beliau menjelaskan belum menerima laporan mengenai pembabit manamana pegawai berse-kongkol dalam isu e-sisa, selain menegaskan kakitangan kerajaan yang dikenal pasti berbuat demikian akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Isu e-sisa ini memang serius. Kita dapat maklumat ada pegawai yang membuat tindakan penguatkuasaan e-sisa.

"Mungkin kita tak dengar (isu) e-sisa sebelum ini, seperti dadah atau ben-

# Sindiket e-sisa dah melampau

*Rakam aktiviti anak pegawai penguat kuasa ketika di sekolah menerusi panggilan video*



da lain. Namun, kini mereka dapat panggilan video daripada tauke besar yang menjadi dalang (e-sisa).

"(Dalang terbabit) menunjukkan video anak mereka di sekolah. Inilah tahap seriusnya masalah e-sisa di negara ini," katanya pada sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan tambahan **Shaharizukir-nain Abd Kadir (PN-Setiu)** mengenai keberkesanan sistem kawal selia sedia ada serta jumlah kakitangan dikenakan tindakan tatatertib susulan pendedahan e-sisa.

Menjawab soalan asal, Nik Nazmi berkata, selain di kawasan industri, premis mengendalikan e-sisa dikenal pasti turut berada ditanah rizab, ladang kelapa sawit dan kawasan

hutan dengan kebanyakannya beroperasi secara haram.

Operasi kilang itu, katanya, didalangi warga asing, menggunakan pendatang asing tanpa izin (PATI) sebagai tenaga kerja atau pekerja yang menyalahgunakan permit kerja.

Beliau berkata, Op Hazard yang dilaksanakan secara serentak di seluruh negara baru-baru ini, adalah hasil kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), membabitkan pemeriksaan ke atas 47 premis.

"Kita menyita 15,764.9 tan e-sisa, dianggarkan bernilai RM55 juta. Pemeriksaan mendapati 30 premis beroperasi secara haram, manakala tujuh lagi adalah premis barang lusu; premis berlesen di bawah JAS (enam); premis berlesen di bawah pihak berkuasa tempatan (tiga) dan gudang haram (satu).

"Semua premis terbabit disiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), selain 37

premis dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta 127 terhadap mesin pengeluaran digunakan di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan.

"Selain itu, 59 Notis Arahan dan 27 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Sebanyak 52 kertas siasatan juga akan dibuka bagi tujuan tindakan mahkamah," katanya.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata, Konvensyen Basel dimeterai Malaysia tidak menghalang pengimportan besi sekerap yang digunakan dalam industri hiliran dengan barangan itu tidak dikategorikan sebagai e-sisa.

Mengambil contoh komputer dan telefon lama yang masih utuh, katanya, pengimportan barangan itu tidak dikategorikan sebagai e-sisa, kecuali jika ia dilarikan mengikut komponen.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**